

UKM, KUTKM cemerlang dalam penyelidikan

Archival News | Berita Harian | 08/06/2004 | Author: Nozilawati Abd Halim; Rahman Hashim

UNIVERSITI Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) terus mencatat kejayaan dalam bidang penyelidikan setelah memenangi pelbagai pingat dan anugerah pada Pameran Antarabangsa Reka Cipta, Inovasi Reka Bentuk Industri dan Teknologi (Itex) 2004 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pada pameran berlangsung di Pusat Pameran Mid Valley itu, UKM merangkul 14 pingat, iaitu dua emas, lima perak dan tujuh gangsa.

April lalu, universiti itu memenangi sembilan pingat, iaitu empat emas, tiga perak dan dua gangsa pada Pameran dan Pertandingan Reka Cipta Geneva 2004 di Geneva, Switzerland.

UKM memperoleh dua emas menerusi produk 'Muslim in Space' dan 'Novel Broadband Hybrid E-H Microstrip Array for 3G Base Station Applications' hasil penyelidikan Prof Madya Zainol Abidin Abdul Rashid dan penyelidik Fakulti Kejuruteraan.

Universiti itu juga memungut lima perak menerusi produk 'Small Broadband Compact Antenna for 3G Handset Applications' hasil penyelidikan Prof Madya Zainol Abidin dan Joan Hsiao Hui; 'Photovoltaic Thermal Solar Drying System for Agricultural Produce' (Mohd Yusof Othman, Kamaruzzaman Sopian, Baharuddin Yatim dan Mohd Nazari Abu Bakar).

'UKM-MECC: The Optimized Medium for Human Cartilage Tissue Engineering' (Ruszyman Idrus, Chua Kien Hui dan Aminuddin Saim); 'Phytotherapeutic Composition for Topical Treatment of Psoriasis' (Azimahtol Hawariah Lope Pihie); 'Multimedia in Education Package to Motivate Literacy for Preschool Children' (Halimah Badioze Zaman, Norhayati Abd Mukti, T Mohd T Sembok, Norshariah, Norafiah dan Munir).

Tujuh lagi, pingat gangsa yang diperoleh menerusi produk 'GPS Assisted Tool for All Weather Aircraft Take-off and Landing (SafeFly) hasil penyelidikan Zainol Abidin, Quah Ken Lee dan Kamaruzzaman; 'Moisture Density Meter (Muhammad Fauzi Mohd Zin, Hashem Mohd Ali Al-Mattamen, Zainal Abidin dan Abdul Karim Danesh).

'Drowsiness Detection System Using Artificial Neural Network' (Aini Hussain, M Marzuki Mustafa, Edmond Zahedi, Thum Chia Chieh, Rahmat Hidayat Mokri dan Burhanuddin Yeop Majlis); 'An Integrated System for Data Acquisition, Analysis and Identification of Driver's Drowsiness' (Mohd Jailani Mohd Nor, Mohd Hanif Md Saad, Rozmi Ismail dan Koh Wei Kiat).

'Zed Edit: A WYSIWYG-based Z Screen Editor' (Zarina Shukur, Nantha Kumar, Abdullah Mohd Zin dan Drs Abd Malik Yusof); 'Optical Sensing Materials for Chilli Hotness Detection' (Musa Ahmad, Mohamd Nasir Mat Arip, Lee Yook Heng, Mohd Nasir Taib dan Ahmad Mahir Mokhtar) dan 'Novel Peptide Mimic of the Burkholderia Pseudomallei Virulence Protease' (Sheila Nathan, Chan Shzu Wei, Koh Cha San dan Tan Wen Siang).

Itex 2004 disertai lebih 110 sektor industri tempatan dan antarabangsa serta beberapa institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Sementara itu, KUTKM menerusi projek Aini (Artificial Intelligent Neural-Network Identity) menerima dua anugerah sempena Itex 2004.

Sebelum ini Aini memenangi pelbagai anugerah, antaranya 'New Innovation Award 2004' daripada The International Association of Science and Technology for Development sempena persidangan antarabangsa 'The

International Conference on Neural Network and Computational Intelligence' di Grindelwald, Switzerland.

Sempena Itex 2004 itu, KUTKM diwakili Prof Madya Goh Ong Sing memenangi pingat emas MINDS (Malaysian Invention and Design Society), anugerah khusus untuk pengamal industri yang berjaya menghasilkan pelbagai inovasi dan penemuan terbaru.

Kemenangan itu turut melayakkan Goh menerima anugerah antarabangsa daripada Japan Institute of Invention and Innovation (JIII), iaitu JIII Best Individual Inventor Award 2004.

Anugerah berkenaan diberi sempena sambutan ulang tahun ke-100 penubuhan institut itu di Jepun dan yang pertama kali diberikan kepada rakyat Malaysia.

Goh berkata, penganugerahan JIII adalah pengiktirafan terhadap pencapaian terbaik individu dalam bidang inovasi, dengan mengambil kira beberapa ciri ditetapkan, antaranya hasil penemuan baru itu mesti mempunyai potensi dikomersial dan boleh diaplikasikan dalam sektor industri.

Aini adalah robot maya pintar hasil gabungan bidang sains, kejuruteraan serta teknologi dan inspirasi bagi menghasilkannya bermula selepas Goh tertarik terhadap kajian mengenai sistem otak dan saraf manusia.

Aini dilengkapi perwatakan tiga dimensi, teknologi pertuturan serta kepintaran tiruan (artificial intelligence) dan fleksibel yang bukan saja boleh diaplikasi pada komputer peribadi dan Pocket PC, malah telefon mudah alih.

"Paling utama, Aini turut berpotensi sebagai penasihat e-pembelajaran, e-kerajaan, e-perubatan dan e-perniagaan," katanya.

Pemangku Rektor KUTKM, Prof Dr. Azhari Saleh, berkata kemenangan itu boleh dianggap pengiktirafan awal sektor industri tempatan dan antarabangsa terhadap kemampuan kolej universiti itu yang setanding universiti sudah lama mencipta nama.

"Walaupun baru ditubuhkan kira-kira tiga tahun lalu, ia tidak menghalang KUTKM daripada menyaingi kemampuan universiti dan institusi lain.

"Saya yakin kemenangan ini permulaan kecemerlangan penyelidikan kolej universiti ini. Kami juga mempunyai ramai penyelidik yang mampu menghasilkan pelbagai inovasi baru untuk sektor industri," katanya.

(END) Source : Berita Harian